

PELANCARAN PAMERAN PERKHIDMATAN PERTAHANAN ASIA (DSA) 2018

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2141-pelancaran-rasmi-dsa-2018

KUALA LUMPUR, 25 Jul 17 - Pelancaran Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2018 telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein di Perkasa Ballroom, Wisma Perwira ATM.

Pameran yang dijadual diadakan pada 16 hingga 19 April tahun depan akan menjadi satu platform yang besar dalam industri pertahanan dan keselamatan. Disamping membolehkan agensi kerajaan untuk mendapatkan pelan yang strategik ia turut membantu untuk menjalinkan hubungan kerjasama yang baik antara negara yang terlibat.

Turut hadir semasa majlis pelancaran, Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd Johari bin Baharum; Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor; Timbalan Ketua Polis Negara, YDH DIG Tan Sri Dato' Sri Noor Rashid bin Ibrahim; Panglima Tentera Darat, YBhg Jen Dato' Sri Zulkiple bin Hj Kassim dan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM.

